



BULETIN UNIT PENGAWASAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Bil 3/2018

JULAI – SEPTEMBER 2018

PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan adalah berorientasikan strategi jangka panjang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengawal pencemaran dan pemuliharaan alam sekitar. Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, kem kesedaran alam sekitar (KeKAS), bengkel alam sekitar, penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak iaitu risalah-risalah serta media elektronik. Perkhidmatan Pusat Sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam.

(Sumber dari Laporan Tahunan)

Pencapaian bulan Julai – September adalah seperti berikut:-

Kategori	Julai	Ogos	Sept
PENDIDIKAN			
Ceramah		2	
Pameran			1
KeKAS			
Hari Ozon			1
Hari Bumi			
Hari Alam Sekitar Sedunia			
HASN			
Kolokium (dalaman Jabatan)			
Taklimat (melibatkan pihak luar)			
RAS			
Tabika			
SLASS			

Kategori	Julai	Ogos	Sept
Lawatan ke JAS			
Aktiviti Kesedaran lain (Anjuran agensi lain)		1	
Borang RAS (kemaskini dalam sistem)	325	196	13
PENGAWASAN			
Bunyi Bising Ambien			
Air Bawah Tanah		1	1
Air Marin			

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan dari Julai – September 2018.

Aktiviti	Tarikh
Ceramah Program Environmental Awareness & Education – Pharmaniaga Logistic Sdn.Bhd.	6/8/2118
Pengawasan Air Bawah Tanah 1/2018	6-8/8/2018
Ceramah, Permainan Alam Sekitar, Gotong Royong Program Pendidikan Keselamatan & Kebersihan Sungai di SK Sungai Ba Simunjan – Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	30/8/2018
Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon	21-22/2018
Pengawasan Air Bawah Tanah 2/2018	24-26/9/2018
Pameran Program kempen Anti-Litering 2018 di Dataran Kuching Waterfront – SEDC	27-29/9/2018

PROGRAM KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON SEMPENA HARI OZON ANTARABANGSA TAHUN 2018

Majlis Perasmian Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon telah disempurnakan oleh Encik Amirul Bin Aripin, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang mewakili Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Majlis turut dihadiri oleh Encik Bujang Awang Jamain, Pengetua SMK Kota Samarahan dan wakil dari Majlis Daerah Serian, PPD Kota Samarahan, NREB.

Seramai 40 pelajar dan 4 guru pengiring dari SMK Kota Samarahan menyertai Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon sempena Hari Ozon Antarabangsa 2018 yang berlangsung pada 21-22 September 2018 di Taman Rekreasi Ranchan, Serian.

Hari Ozon Antarabangsa disambut 16 September setiap tahun. Bertepatan dengan tema sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2018 iaitu "Keep Cool dan Carry On' : The Montreal Protocol" , ianya mengajak kita meneruskan usaha murni di dalam melindungi lapisan ozon bagi memperlahankan kesan perubahan iklim serta mengekalkan kehidupan yang selesa dan lestari.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Ceramah Ozon, *Jungle Trekking*, Permainan Alam Sekitar, Persembahan Kumpulan.

GAMBAR KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON SEMPENA HARI OZON ANTARABANGSA TAHUN 2018



GAMBAR KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON SEMPENA HARI
OZON ANTARABANGSA TAHUN 2018



GAMBAR KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON SEMPERA HARI OZON
ANTARABANGSA TAHUN 2018

